

**TEKS UCAPAN YB TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA  
SEMPENA SESI DIALOG YBTM KKR BERSAMA  
KONTRAKTOR GRED G1 BUMIPUTERA**

**27 FEBRUARI 2026**

**TINGKAT 3, BILIK PERHENTIAN, WORLD TRADE  
CENTRE**

**Tema: “Dari G1 ke Gred Lebih Tinggi – Memperkasa  
Kapasiti dan Daya Saing Kontraktor Bumiputera”**

---

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam  
sejahtera, Salam Malaysia MADANI,**

Yang Berusaha, Sr Ahmad Farrin Mokhtar, Pengurus Besar  
Kanan, CIDB Malaysia

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Kerja Raya dan CIDB  
Malaysia, serta

Barisan kepimpinan industri - Presiden dan Wakil-Wakil

Persatuan Kontraktor Bumiputera yang saya hormati.

## **Pembukaan & Penghargaan**

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada CIDB Malaysia atas inisiatif menganjurkan sesi dialog ini. Tajuk yang kita bincangkan hari ini bukan sekadar isu teknikal pendaftaran, tetapi menyentuh soal masa depan dan daya tahan kontraktor Bumiputera dalam industri pembinaan negara.

## **Latarbelakang Dasar Kerajaan**

YBhg. Dato'-Dato'/Tuan/Puan

Untuk kita berada pada landasan yang sama, saya ingin mengingatkan bahawa keputusan Kerajaan Pusat pada tahun 2019 untuk membuka semula pendaftaran Kontraktor Bumiputera G1 di bawah SPKK bukanlah satu keputusan yang dibuat secara tergesa-gesa.

Dasar tersebut dilaksanakan dengan objektif dan pertimbangan yang jelas dan strategik :

- Memberi ruang dan peluang kepada belia Bumiputera, termasuk graduan TVET dan lepasan institusi kemahiran menyertai industri;

- Memperluaskan penyertaan Bumiputera dalam rangkaian nilai industri pembinaan;
- Menggalakkan mobiliti sosial melalui keusahawanan kontraktor.

Kerajaan melihat sektor pembinaan sebagai salah satu platform mobiliti ekonomi. Maka Kerajaan melihat G1 sebagai akses kepada pendaftaran G1 adalah pintu masuk ke industri, bukan destinasi kekal.

Dan saya ingin tegaskan di sini — dasar keterbukaan ini adalah komitmen Kerajaan terhadap keterangkuman dan pembangunan Bumiputera dan ia bukan dalam pertimbangan untuk ditutup semula

### **Cabaran Realiti**

Namun, kita juga perlu berterus terang.

Akses yang terbuka tidak secara automatik menjamin kelangsungan.

Sehingga 4 Februari 2026, jumlah keseluruhan kontraktor G1 yang berdaftar adalah sebanyak **66,233**, dan daripada jumlah tersebut, **72% atau 47,575 adalah kontraktor Bumiputera. Bilangan ini merangkumi 35% daripada jumlah kontraktor berdaftar sebanyak 137,860.**

Angka ini menunjukkan bahawa dasar tersebut telah membuka ruang penyertaan yang besar.

Namun dalam masa yang sama, ia juga membentuk satu struktur industri di peringkat bawah yang sangat kompetitif, dengan jumlah pemain yang tinggi berbanding peluang projek yang tersedia, khususnya di peringkat G1 dan G2.

Sebahagian kontraktor G1 berhadapan dengan:

- Kekangan modal kerja,
- Persaingan harga yang tidak sihat,
- Tahap pengurusan kewangan yang lemah,
- Kebergantungan kepada satu jenis kerja sahaja,
- Kesukaran melonjak ke gred lebih tinggi.

Maka persoalan sebenar hari ini bukan sama ada pintu itu perlu ditutup semula.

Persoalannya ialah:

**Bagaimana kita memastikan mereka yang telah memasuki industri ini benar-benar bersedia untuk berkembang dan bersaing?**

## **Peranan Kerajaan**

Dalam hal ini Kerajaan tidak menutup mata. Kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan CIDB telah dan sedang meneliti pendekatan yang lebih seimbang bagi memastikan ekosistem ini lebih dinamik.

Dalam sesi libat urus bersama MOF pada 25 Julai 2024, cabaran dan cadangan berkaitan struktur dan perolehan kerja G1 dan G2 telah dibangkitkan dan sedang dalam penelitian bagi melihat penambahbaikan yang sesuai..

Selain itu, CIDB juga giat melaksanakan pelbagai program pembangunan kapasiti kontraktor usahawan seperti ACE, Pemerkasaan kontraktor melalui BIM dan pendigitalan, Program SFERA bagi diversifikasi ke arah inovasi dan pengkomersialan, dan SkillTechpreneur bagi pembangunan usahawan teknikal, dan CEKAP+ bagi peningkatan keupayaan pengurusan kontrak, perolehan dan kewangan.

Dalam masa yang sama, penambahbaikan syarat pendaftaran kontraktor yang sedang diperhalusi melalui mekanisme MJM juga bertujuan untuk mengukuhkan struktur kompetensi dan mengatasi isu lambakan kontraktor yang tidak aktif atau tidak berdaya saing.

Pendekatan ini bukan untuk menyekat penyertaan, tetapi untuk memastikan penyertaan tersebut berkualiti dan mampan.

## **Tempoh Keistimewaan & Kematangan Perniagaan**

YBhg. Dato'-Dato'/Tuan/Puan

Kita juga sedia maklum bahawa terdapat tempoh tertentu bagi kontraktor berada dalam kategori G1 sebelum perlu membuat keputusan strategik untuk berkembang atau beralih.

Saya melihat perkara ini sebagai satu ruang untuk perbincangan yang matang hari ini.

Sekiranya terdapat pandangan bahawa tempoh tersebut perlu diteliti semula, atau mekanisme sokongan perlu diperkukuh, saya amat terbuka untuk mendengar pandangan industri.

Namun prinsipnya jelas —  
kita tidak boleh membina budaya kebergantungan.

Kontraktor perlu melihat G1 sebagai fasa permulaan. Matlamatnya adalah untuk membina kapasiti, meningkatkan keupayaan, dan bersedia untuk naik ke gred yang lebih tinggi.

## **Pendekatan Ke Hadapan**

Mungkin antara perkara yang boleh kita bincangkan dalam sesi ini termasuk:

- Model peningkatan kapasiti yang lebih tersusun,
- Kerjasama strategik atau konsortium antara kontraktor kecil,
- Diversifikasi skop kerja,
- Pengukuhan kompetensi teknikal dan pengurusan,
- Pendigitalan dan kecekapan operasi.

Industri hari ini semakin mencabar.

Projek menjadi lebih kompleks.

Keperluan pematuhan semakin tinggi.

Maka daya tahan tidak boleh bergantung kepada dasar semata-mata — ia mesti dibina melalui keupayaan sebenar.

## **Penutup Pembukaan**

Saya berharap sesi dialog ini berlangsung secara terbuka, berterus terang dan konstruktif. Kerajaan komited untuk menyokong pembangunan kontraktor Bumiputera.

Namun sokongan itu mestilah seiring dengan kesediaan industri untuk berubah, menyesuaikan diri dan meningkatkan standard mereka sendiri.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan pembukaan Sesi Dialog ini dan menjemput semua pihak untuk menyumbang pandangan secara matang dan bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.